

SISTEM KERJA DAN PENDAPATAN BURUH PERIKANAN ASING DALAM PERUSAHAAN PERIKANAN BERASASKAN PUKAT TUNDA DI SABAH

Mohammad 'Azzam Manan

Abstract


This paper discusses the involvement of 509 Indonesian fishing workers in fishing activity based on trawls technology in Sabah. The Purpose of this discussion is to get a description on the welfare level of foreign fishing workers socially and economically. The field research was conducted in 2002-2003. Another research was carried out in 2006 to update information connected with those foreign workers. The Study was carried out in Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau and Kudat as the four main fishing sites in Sabah. Library study, survey, in-depth interview and observation were used simultaneously to collect data.

Trawl base-fishing industry in Sabah State is indeed a well organised capitalistic economy in which job description among foreign fishing workers is very clear. 'Sarang' as the captain of a fishing boat is responsible to owners of the boats. Other workers consist of 'seken sarang' or the second man and 'kelasi' who report to 'sarang'. In the capitalistic economy, owners receive most of the benefits. In other hand, fishing workers especially 'kelasi' receive small rewards, since their salary is not enough even to support their family. This structure created a condition in which fishing workers not able to improve their economy level, eventhough it is actually their very reason to come to Sabah.

Pengenalan

Penglibatan buruh perikanan Indonesia sebagai buruh perikanan asing dalam perusahaan perikanan laut dalam (*deep sea fishing*) menggunakan teknologi pukat tunda yang dibincangkan dalam artikel ini mengandungi pelbagai segi tinjauan. Kesefahaman kerja antara majikan dan buruh perikanan asing sebagai antara aspek yang dibincangkan mengandungi pelbagai segi seperti status dan kedudukan mereka di atas bot perikanan. Kedudukan di atas bot menunjukkan peringkat dan fungsi pekerja dalam kerja-kerja pengeluaran dan pendaratan sumber berdasarkan bidang tugas.

Sistem kerja kaedah pukat tunda yang terdiri daripada operasi pengeluaran dan pendaratan sumber, dan sistem pendapatan turut dibincangkan dalam kesefahaman kerja. Aktiviti perikanan pukat tunda yang berteraskan vesel dan peralatan perikanan moden mengandungi tiga bentuk kegiatan yang terdiri daripada kerja-kerja persiapan, penangkapan dan pendaratan sumber.



Peta 1. Daerah-daerah perikanan di Sabah yang menjadi lokasi penyelidikan hasil pengolahan GIS.

Dalam pada itu, sistem pendapatan termasuk sumber pendapatan tambahan atau sampingan yang diperoleh buruh perikanan asing dibincangkan secara terperinci mengikut masing-masing daerah perikanan. Dengan itu, kadar pendapatan mereka dan penghasilan majikan sebulan dapat diketahui. Kadar pendapatan buruh perikanan asing di masing-masing daerah perikanan adalah berbeza antara satu dengan lainnya. Perbezaan tersebut memberi gambaran tentang pencapaian taraf kehidupan ekonomi masing-masing pekerja dan majikan.

Kesefahaman Kerja Di Antara Majikan dan Buruh Perikanan Asing

Sistem kerja dan sistem pendapatan merupakan dua perkara asas dalam kesefahaman kerja antara majikan dan buruh perikanan asing. Bentuk kesefahaman kerja yang terperinci tidak termasuk ke dalam antara syarat yang perlu dipenuhi majikan apabila memohon lesen bagi menggaji buruh perikanan asing. Keadaan ini membuka ruang bagi majikan untuk menentukan sistem dan kadar pendapatan pekerja masing-masing secara sepihak tanpa sebarang kawalan oleh kerajaan. Kesefahaman kerja antara majikan dan buruh perikanan asing pada amnya dibuat secara lisan. Kesefahaman yang dibuat secara lisan memberi keutamaan kepada buruh perikanan asing dan lebih-lebih lagi majikan, kerana nilai pendapatan sebenar kedua-dua pihak sukar diketahui secara terbuka. Hal ini membuat buruh dapat mengelak daripada kewajiban membayar cukai, sementara majikan akan terhindar daripada membayar cukai yang lebih tinggi mengikut ketetapan.


Sistem kerja buruh perikanan asing dalam perusahaan perikanan berasaskan pukut tunda mengandungi kedudukan dan fungsi mereka di atas bot serta operasi pengeluaran sumber mulai daripada kerja-kerja persiapan sehinggalah ke pendaratan hasil tangkapan.

Kedudukan dan Fungsi Buruh Perikanan Asing Di Atas Bot Perikanan

Sebuah bot perikanan pukut tunda secara puratanya dioperasikan oleh enam hingga lapan orang pekerja mengikut kawasan dan saiz bot. Kedudukan mereka dalam carta organisasi terdiri daripada 'sarang', wakil "sarang" yang dikenali juga sebagai "seken sarang", dan krew atau kelasi yang dipanggil juga dengan sebutan awak-awak (Rajah 1).

Sebagai orang nombor satu yang berperanan sebagai ketua kepada pekerja yang lainnya, "Sarang" yang juga bertindak sebagai juru mudi bertanggung jawab mengarah dan menyelaraskan kerja-kerja persiapan, pengeluaran dan pendaratan sumber dengan semua pekerja. Dia juga berhak menetapkan masa yang sesuai untuk pergi ke laut, kawasan menangkap, lama tempoh operasi dijalankan dan bilangan menurun dan menaikkan pukut mengikut pengalamannya yang luas dalam operasi pengeluaran sumber. Posisinya yang sedemikian penting menyebabkan dia merupakan penanggung jawab pertama dalam semua urusan di atas kapal, termasuklah tanggung jawab dari segi keselamatan apabila berdepan dengan sebarang masalah seperti rompakan ke atas bot yang kerap dilakukan oleh kumpulan lanun bersenjata.

Di bawah "sarang" terdapat wakil "sarang" yang lebih dikenali sebagai "seken sarang". Sebagai orang kedua di atas bot, dia merupakan pembantu langsung kepada "sarang" dalam menjalankan operasi menangkap ikan. Sebagai wakil, dia akan mengambil alih semua tanggung jawab sarang dalam menguruskan bot perikanan dan menyelaraskan kerja-kerja dengan seluruh pekerja jika sarang tidak ada. "Seken sarang" juga berperanan sebagai juru enjin atau mekanik yang mengawal dan memastikan enjin bot berfungsi dengan baik. Oleh kerana dia mempunyai kebolehan dalam mengoperasikan bot, dialah yang bertugas memindah-



Rajah 1. Carta Organisasi Buruh Perikanan Asing Di Atas Bot Perikanan Pukat Tunda Yang Terdiri Daripada Lapan Pekerja Seperti Dalam Bot Perikanan Pukat Tunda Bernombor KT92/F Di Daerah Perikanan Kudat

mindah bot ke tempat berlabuh yang sesuai berhampiran jeti pendaratan ikan. "Seken sarang" yang sudah mempunyai taraf kemahiran tertentu boleh mengoperasikan bot perikanan dalam operasi menangkap ikan ketika "sarang" berhalangan.

Kedudukan krew atau kelasi dalam carta organisasi personel buruh perikanan asing di bot pukut tunda adalah setaraf. Mereka merupakan pekerja yang membantu keseluruhan aktiviti pengeluaran dan pendaratan sumber ikan mengikut arahan "sarang" dan atau "seken sarang". Kelasi tidak selamanya berada pada posisi di peringkat paling bawah. Mereka yang bekerja dengan bersungguh-sungguh dan sentiasa berusaha mempertingkatkan kecekapan tidak mustahil pada suatu ketika nanti berjaya menjadi "sarang" atau "seken sarang". Sekurang-kurangnya diperlukan tempoh lima sehingga sepuluh tahun untuk mewujudkan sasaran ini. Peranan "sarang" dalam memberikan bimbingan dan peluang belajar bagi menekuni kerja-kerja perikanan adalah penting untuk mencapai sasaran menjadi "sarang". Semakin banyak bimbingan yang diperoleh daripada "sarang", maka semakin pendek masa yang diperlukan untuk sampai ke matlamat yang disasarkan itu.

Carta organisasi buruh perikanan asing tersebut lebih menunjukkan jawatan dan bidang tugas di atas bot. Meskipun semua pekerja bertanggung jawab terhadap bidang tugas masing-masing, tetapi mereka boleh saling membantu dalam berkerja bila diperlukan, kecuali juru masak. Sistem kerja seperti itu berbeza dengan sistem kerja buruh perikanan asing dalam perusahaan perikanan berasaskan pukut tunda di Semenanjung yang bekerja mengikut bidang tugas masing-masing secara ketat.¹

Sebagai sumber tenaga buruh yang utama, peranan buruh perikanan asing dalam keseluruhan kerja yang dijalankan adalah penting. Kecergasan, kekuatan fizikal, semangat, kesediaan menghadapi pelbagai cabaran dan kemahuan mereka untuk bekerjasama dengan "sarang", "seken sarang" dan sesama sendiri adalah sangat dipentingkan. Kesemua unsur penting ini menjadi antara aspek dalam menentukan pencapaian aktiviti perikanan secara berkesan.

Bilangan "sarang", "seken sarang" dan kelasi bot pukut tunda di seluruh kawasan kajian mengikut negara asal dapat dilihat dalam Jadual 1.

Kedudukan dan fungsi pekerja di atas bot seperti digambarkan dalam carta organisasi di atas ditetapkan untuk menunjukkan demikian pentingnya peranan sarang sebagai ketua dalam mengarah dan mengawal kelasi agar bekerja dengan

Jadual 1. Bilangan Buruh Perikanan Asing Mengikut Kedudukan Di Atas Bot dan Daerah Perikanan

Daerah Perikanan	Kedudukan Di Atas Bot						Jumlah	
	"Sarang"		"Seken sarang"		Krew/kelasi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Kota Kinabalu	12	11.3	10	9.3	77	26.1	99	19.4
Sandakan	53	50.0	69	63.9	109	37.0	231	45.4
Tawau	24	22.6	15	13.9	74	25.1	113	22.2
Kudat	17	16.0	14	13.0	35	11.9	66	13.0
Jumlah	106	18.1	108	21.8	295	60.1	509	100.0

Sumber: Soal Kaji Selidik 2002-2003.

efektif. Sistem pengurusan kerja yang tersusun dan efektif seperti ini akan memudahkan majikan menjalankan usaha perikanan kerana memadai menumpukan tanggung jawab hanya kepada “sarang” sahaja. Selain itu, pengeluaran ikan yang berkesan hasil daripada kerja yang efektif akan mendatangkan keuntungan dan keutamaan kepadanya sebanyak yang mungkin.

Pengeluaran dan Pendaratan Sumber Perikanan

Aktiviti perikanan laut, Sabah yang dijalankan oleh buruh perikanan Indonesia menggunakan kaedah pukat tunda secara garis kasar dapat dibahagi kepada tiga bentuk, iaitu kerja-kerja persiapan, operasi penangkapan dan aktiviti pendaratan sumber.

Persiapan Menjelang Operasi Menangkap Ikan

Kerja-kerja persiapan dilakukan sebelum bertolak ke laut untuk memastikan vesel dan perkakas perikanan pukat tunda berada dalam keadaan baik. Buruh perikanan asing akan melakukan pemeriksaan terhadap keadaan enjin dan semua peralatan yang digerakkan dengan kuasa enjin seperti *winch* dan kren yang menaik-turunkan pukat. Demikian pula, pukat yang koyak akan diperbaiki terlebih dahulu sebelum disusun dan digulung semula pada kedudukannya di kren yang terdapat di atas bot (Gambar 1).

Kerja-kerja memperbaiki pukat akan dilakukan di atas bot. Pukat yang koyak cukup parah akan diturunkan dari atas bot dan dijahit bersama-sama di kawasan jeti pendaratan ikan untuk memendekkan masa kerja (Gambar 2). Sering berlaku



Gambar 1. Kerja-kerja buruh perikanan asing dalam penyelenggaraan bot pukat jerut sebelum bertolak ke laut (Sumber: *The Borneo Post*, 1 Mac 2003).



Gambar 2. Buruh Perikanan Buton (Indonesia) sedang mengurus pukat yang koyak berhampiran jeti pendaratan ikan North Borneo di Daerah Perikanan Sandakan (Gambar diambil oleh Mohammad 'Azzam Manan pada 28hb. Januari 2003).

operasi menangkap lewat dijalankan kesan pukat tidak siap dibetulkan tepat pada masaya. Kebolehan menjahit pukat amat diperlukan daripada seluruh buruh perikanan asing yang terlibat. Pukat yang sukar untuk dijahit semula kerana terkoyak cukup parah akan diganti oleh majikan dengan pukat yang baru.

Selain itu, buruh perikanan asing akan memastikan bekalan minyak diesel yang diperlukan oleh bot mencukupi. Dua hingga tiga orang pekerja akan mengurus minyak diesel yang selalunya dibekalkan oleh bot tanker yang berada di kawasan jeti pendaratan ikan untuk dimasukkan ke dalam tong-tong yang sudah disediakan di atas bot. Seorang daripada mereka merupakan juru enjin atau mekanik. Setiap bot perikanan memerlukan minyak diesel dalam jumlah yang berbeza mengikut saiz dan lama tempoh operasi yang dicadangkan.

Bot perikanan pukat tunda secara purata menghabiskan 22,000 liter minyak diesel dan 1,200 blok atau batang air batu atau ais sebulan. Satu trip operasi pukat tunda selama tujuh hari akan menghabiskan 300 blok ais. Ais merupakan antara elemen terpenting dalam perusahaan perikanan laut bagi mengawal sumber perikanan yang berjaya ditangkap kekal dalam keadaan segar. Ais bagi bot perikanan biasanya dibekalkan menerusi perkhidmatan jeti pendaratan ikan yang memiliki kemudahan kilang ais seperti di daerah perikanan Kota Kinabalu. Ais tersebut dibekalkan terus ke atas bot menerusi salirannya adakalanya selepas dihancurkan dan dimasukkan ke dalam peti ais oleh dua hingga tiga orang krew. Adakalanya juga ia dibekalkan dalam bentuk batangan dan dihancurkan di dalam peti ais.

Bekalan air tawar dalam jumlah yang mencukupi juga perlu disediakan sebelum bot bertolak ke laut. Air tawar diperlukan untuk minum, memasak makanan dan mandi selama di atas bot. Buruh perikanan asing juga akan memastikan bekalan makanan bagi seluruh pekerja di atas bot cukup untuk selama

operasi menangkap ikan berlangsung, yang terdiri daripada beras, gula, kopi, teh, garam, lada dan rempah-ratus. Sekali sekala lauk daging turut disertakan. Wang untuk membeli semua keperluan dapur tersebut disediakan oleh majikan melalui “sarang” atau “seken sarang” yang kemudian diserahkan kepada krew untuk membelanjakannya. Sesetengah buruh membeli sendiri roti dan makanan lain untuk bekalan tambahan baginya.

Semua bentuk kerja-kerja persiapan tersebut menggambarkan sektor perikanan laut berasaskan pukut tunda merupakan satu aktiviti ekonomi yang mesti dijalankan dengan tersusun, sistematik dan cermat. Sifat kerja-kerja persiapan yang demikian wajib dilakukan sebelum turun ke laut untuk mengelak daripada kerugian kesan hasil tangkapan yang tidak berkesan yang disebabkan bot tidak boleh beroperasi dengan lancar.

Operasi Pengeluaran Sumber

Operasi perikanan pukut tunda di Sabah dijalankan sepanjang masa dalam setahun tanpa bercuti, kecuali dua hari pada Hari Raya Puasa dan sehari pada Hari Raya Haji. Sebelum bertolak ke laut, sesetengah “sarang” akan memulakan pergerakan bot dalam suasana rasmi dengan terlebih dahulu membunyikan hon bot sebanyak tiga kali. Jarak masa antara hon pertama, kedua dan hon terakhir masing-masingnya ialah lebih kurang tiga minit. Ini dilakukan untuk memberi kelasi peluang agar bersedia dan segera naik ke atas bot. Sebaliknya, sesetengah “sarang” yang lain memulakan pergerakan bot dengan begitu sahaja setelah memastikan semua buruh perikanan sudah berada di atas bot.

Masa operasi di setiap daerah perikanan adalah berbeza-beza. Bot perikanan pukut tunda di daerah perikanan Kudat dan Tawau purata beroperasi selama empat hingga lima hari setrip. Bot pukut tunda di daerah perikanan Kota Kinabalu beroperasi hingga seminggu setrip mengikut keadaan semasa. Dalam pada itu, operasi bot pukut tunda udang di daerah perikanan Sandakan dijalankan tiap-tiap malam kerana bot tidak dapat pergi jauh disebabkan kawasan menangkap ikan yang tidak begitu luas. Bot akan bertolak ke laut dari pukul tiga hingga pukul lima petang dan pulang sekitar pukul tujuh pagi. Aktiviti menunda udang dijalankan sebanyak dua kali semalam yang dimulakan dari pukul tujuh petang. Satu kali penundaan menghabiskan masa selama lebih kurang lima jam.

Selepas pukut diturunkan, penundaan dijalankan oleh “sarang” sendirian². Selama menunda, para awak biasanya mengisi masa dengan berbual-bual sesama sendiri, kecuali juru masak yang sibuk memasak makanan. Masa kosong selama menunda mereka gunakan pula untuk makan, tidur atau sekadar tidur ayam dan aktiviti ringan lain seperti melukis gambar sekenanya saja.

Sumber perikanan yang menjadi sasaran operasi pukut tunda adalah udang, moluska dan pelbagai jenis ikan demersal seperti ikan putih (*caranx*), ikan pari (*generic term for skates and rays*), ikan tenggiri (*scomberomorus commerson*) dan sebagainya (Gambar 3). Ikan yang berjaya ditangkap akan diasingkan mengikut jenis dan saiz setelah dinaikkan ke atas bot. Kerja-kerja mengurus hasil tangkapan tersebut dilakukan oleh semua krew secara bersama-sama ketika itu juga tanpa mengira masa dan keadaan cuaca.

Operasi perikanan laut berasaskan pukut tunda yang dijalankan sepanjang masa tergolong aktiviti lasak yang memerlukan daya tahan fizikal dan mental



Gambar 3. Buruh perikanan pukat tunda, Buton (Indonesia) sedang mendaratkan ikan di jeti pasar ikan Sandakan (Gambar diambil oleh Mohammad 'Azzam Manan pada 28hb. Januari 2003).

pekerja yang sangat kuat. Mengharungi laut yang seringkali bergelora selama sehari-hari bukanlah perkara mudah yang dapat dilakukan oleh sesiapa pun juga, terutama oleh rakyat tempatan Sabah. Oleh itu, aktiviti perikanan ini secara majoritinya dijalankan oleh buruh perikanan asing seperti dari Indonesia,³ kerana rakyat tempatan memang kurang memberi perhatian yang cukup terhadapnya.

Kebelakangan ini mulai nampak arah buruh perikanan tempatan untuk melibatkan diri dalam aktiviti perikanan pukat tunda di daerah perikanan Kudat. Meskipun demikian, dominasi buruh perikanan asing di semua daerah kajian berkekalan sehingga kini. Di samping kerana faktor minat rakyat tempatan Sabah yang rendah, keadaan ini juga disebabkan oleh kecenderungan para pemodal yang tidak ingin melibatkan mereka. Bagi pemodal, memperkerjakan buruh perikanan asing jauh lebih menguntungkan kerana mereka boleh diganjar murah dengan kadar gaji yang relatif rendah berbanding kadar gaji yang diinginkan oleh buruh tempatan seperti di sektor ekonomi yang lain.

Pendaratan Sumber

Setelah pulang ke jeti dari operasi menangkap ikan, kelasi atau awak-awak akan mengeluarkan ikan dari peti-peti sejuk dan tong-tong ikan, dan memasukkannya ke dalam peti yang telah disediakan. Sesetengah kelasi berdiri di pinggir jeti untuk menyambut peti-peti berisi ikan yang dihulurkan dari atas bot dan membawanya ke darat. Ikan hasil tangkapan operasi pukat tunda terus diangkut ke tempat penimbangan berhampiran jeti. Sarang dan majikan turut menyaksikan penimbangan dan mencatat kuantiti dan nilai borongnya. Penimbangan dilakukan oleh orang tengah yang bertindak sebagai pemborong. Harga ikan diputuskan oleh



Gambar 4. Buruh Perikanan Asing Pukat Tunda, Bugis (Indonesia) di Daerah Perikanan Kota Kinabalu sedang bersembang sambil berehat selepas mendaratkan ikan (Gambar oleh diambil Mohammad 'Azzam Manan pada 8hb. Ogos 2002).

majikan dan pemborong mengikut jenisnya. Harga ikan gred satu yang terdiri daripada ikan-ikan yang bersaiz besar ditetapkan berdasarkan berat sekilogram, sementara harga ikan-ikan bersaiz kecil termasuk ikan baja dikira dengan bakul.

Di daerah perikanan Kudat, ikan baja yang disimpan di dalam guni plastik dikait dengan pengait dan dilonggokkan di bahagian belakang bot. Ikan-ikan baja tersebut tidak didaratkan melainkan dipindahkan ke bot perikanan lain yang menjalankan operasi menangkap ikan menggunakan *bubu* untuk dijadikan umpan.

Selepas siap mendaratkan ikan, buruh perikanan asing biasanya akan berehat sambil bersembang sesama sendiri. Ada juga di antara mereka terus mandi di atas bot untuk membersihkan diri dan kemudian bersiap sedia untuk pergi berjalan ke pusat-pusat membeli belah di bandar (Gambar 4).

Sistem Pendapatan Buruh Perikanan Asing

Tekanan pasaran (*market forces*) merupakan kayu pengukur dalam menetapkan kadar upah buruh perikanan asing dalam perusahaan perikanan pukat tunda dan pukat jerut di Sabah disebabkan belum terdapat undang-undang tentang standard gaji minimum bagi buruh asing. Berdasarkan itu, kadar upah yang diterima buruh perikanan asing di Sabah ditetapkan sepenuhnya oleh majikan ketika mereka akan diterima. Sistem pendapatan seperti ini sejalan dengan polisi Kerajaan Persekutuan yang mempercayai asas penetapan gaji buruh berdasarkan kuasa pasaran merupakan carta gaji yang sesuai dengan tuntutan ekonomi negara sehingga kini. Oleh itu, kerajaan tidak akan melaksanakan dasar gaji minimum kebangsaan bernilai RM900 sebulan bagi semua kategori seperti yang diusulkan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia atau *Malaysian Trade Union Congress (MTUC)*⁴ kerana dipercayai ekonomi negara akan fleksibel tanpa sistem gaji minimum.

Datuk Dr. Fong Chan Onn, Menteri Sumber Manusia, selepas merasmikan seminar “Khidmat Pelanggan Cemerlang – Senjata Utama Perniagaan” di Kuala Lumpur pada 21hb. Jun 2004 berkata kepada sidang media:

“Itu adalah faktor yang menjadikan Malaysia sebagai negara mempunyai gaji kedua tertinggi di ASEAN selepas Singapura. Dalam ekonomi Malaysia, kita tidak percaya terhadap gaji minimum, sebaliknya mempercayai struktur gaji berdasarkan bekalan di pasaran. Banyak negara yang melaksanakan sistem gaji minimum mendapati ia menjadi tidak fleksibel sehingga menyebabkan pengangguran lebih tinggi kerana syarikat tidak mahu beroperasi dalam mekanisme sedemikian”.⁵

Penetapan upah buruh perikanan asing secara sebelah pihak oleh majikan berlaku kerana kesatuan sekerja (*trades union*) yang biasa membuat kesefahaman kolektif dengan majikan seperti dalam perusahaan-perusahaan besar (*large holders*) tidak wujud dalam perusahaan-perusahaan kecil (*small holders*)⁶ seperti perusahaan perikanan berasaskan pukat tunda.

Kesefahaman tentang sistem pendapatan dan kadar gaji buruh perikanan asing yang dibuat oleh majikan secara sefihak menyebabkan buruh perikanan asing kehilangan kuasa rundingan untuk menyatakan pendapat. Meskipun majikan sempat memberi tahu sebahagian pekerja tentang kadar gaji yang akan mereka terima dan menanyakan pendapat mereka, tetapi mereka terus bersetuju kerana sedar mereka merupakan pekerja baru yang belum berpengalaman. Kepada sesetengah pekerja yang lian, majikan cenderung memutuskannya sendiri tanpa memberi tahu atau tanpa meminta pendapat mereka (Jadual 2).

Oleh itu, untuk melindungi buruh daripada sebarang tindakan eksploitasi yang dilakukan oleh majikan, kerajaan negeri membentuk satu suruhanjaya pada tahun 2000 dengan tugas menjalankan siasatan untuk menghasilkan cadangan tentang kadar upah minimum yang berpatutan bagi buruh asing mengikut sektor-sektor ekonomi.⁷

Jadual 2. Pengalaman Buruh Perikanan Indonesia dan Filipina Tentang Sikap Majikan Berkenaan Kadar Pendapatan Yang Akan Mereka Terima Mengikut Daerah dan Jenis Bot Perikanan

Daerah Perikanan	Sikap Majikan Tentang Kadar Gaji Buruh Perikanan Asing						Jumlah	
	Tidak memberi tahu		Memberi tahu tetapi tidak meminta pendapat		Memberi tahu dan meminta pendapat			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Kota Kinabalu	11	12.0	25	22.5	63	20.6	99	19.4
Sandakan	48	52.2	68	61.3	115	4.9	231	45.4
Tawau	22	23.9	5	4.5	86	28.1	113	22.2
Kudat	11	12.0	13	–	42	13.7	66	13.0
Jumlah	92	18.1	111	21.8	306	60.1	509	100.0

Sumber: Data Kaji Selidik 2002-2003.

Buruh perikanan Indonesia di Sabah secara amnya memperoleh pendapatan bentuk gaji tetap setiap bulan. Kadar gaji bulanan masing-masing pekerja berbeza berdasarkan kedudukan dan peranan mereka di atas bot. Dalam hal ini, "sarang" dan "seken sarang" memperoleh pendapatan lebih tinggi daripada kelasi. Di samping gaji tetap, mereka juga memperoleh insentif dalam bentuk komisen daripada nilai penjualan ikan kasar sebagai pendapatan tambahan.

Penerapan sistem komisen bertujuan untuk mempertingkatkan pendapatan buruh perikanan asing dan penghasilan pemodal/pengusaha. Nilai komisen yang ditawarkan majikan adalah cukup pelbagai. Sesetengah majikan memberi komisen dikira daripada nilai lebihan sasaran pendaratan yang minimum yang diserahkannya kepada "sarang" supaya dia bahagikan kepada semua krew dengan kadar yang berbeza mengikut kedudukan di atas bot. Sistem insentif seperti ini gagal mendatangkan tambahan pendapatan bagi buruh perikanan asing dengan berkesan kerana nilainya kecil. Tetapi, pada amnya komisen dikira daripada nilai keseluruhan ikan yang berjaya didaratkan. Dalam hal ini, bahagian komisen diberikan majikan terus kepada semua buruh perikanan asing yang terlibat mengikut kedudukannya di atas bot.

Sistem pendapatan buruh perikanan asing yang diterapkan di daerah perikanan Kudat tergolong sederhana kerana mereka memperoleh pendapatan hanya dari komisen penjualan ikan kasar sahaja kecuali juru pukat yang juga memperoleh pendapatan tetap bernilai RM170.00 sebulan (Jadual 3). Selain daripada kegiatan haram menjual ikan di laut, buruh perikanan asing tidak memperoleh sumber pendapatan tambahan duit petik dari kerja-kerja menjahit dan sebagainya seperti yang berlaku di Semenanjung Malaysia.⁸

Menjualan ikan di laut untuk memperoleh pendapatan tambahan berlaku hampir di semua syarikat dan bot perikanan pukat tunda di semua kawasan kajian. Secara purata, setiap pekerja akan memperoleh pendapatan tambahan daripada menjual ikan di laut bernilai RM250.00 sebulan dalam 25 hari operasi. Nilai RM10.00 sehari mereka peroleh setelah menjual lebih kurang 16 kg ikan berharga RM5.00 sekilogram. Mereka tidak akan menjual ikan dalam kuantiti yang lebih banyak agar tidak ketara.

Komisen bagi "sarang" dan "seken sarang" akan turun kepada enam peratus dan 1.8 peratus bagi pendapatan kasar bernilai antara RM20,000.00-RM50,000.00 sebulan dalam perusahaan perikanan Siong Ann Trawlers tersebut. Komisen mereka akan turun lagi kepada lima peratus dan satu setengah peratus bagi pendapatan kasar bernilai di bawah RM20,000.00 sebulan. Bagaimanapun, komisen satu peratus dan gaji tetap bernilai RM100.00 sebulan bagi kelasi adalah tetap.

Perusahaan perikanan Siong Ann Trawlers Sdn. Bhd. juga menawarkan pendapatan tambahan bernilai RM1,050.00 setrip bagi pekerja bot perikanan pukat tunda yang berjaya mendaratkan ikan dengan nilai borong tertinggi yang tidak kurang daripada RM20,000.000 setrip. Nombor bot perikanan yang berjaya memenangi "sayembara" yang unik ini dicantumkan pada papan pengumuman berhampiran jeti dan pejabat syarikat perikanan berkenaan. Nilai komisen yang tidak tetap dan ganjaran hadiah yang ditawarkan bertujuan untuk menggalakkan buruh perikanan asing mendaratkan sumber dalam kuantiti yang tertinggi. Sistem pendapatan seperti itu hanya memberi keutamaan yang berlipat kepada "sarang" dan "seken sarang" sebagai strategi majikan dalam mendorong mereka sebagai pengendali utama di atas bot untuk menjalankan operasi menangkap ikan dengan sepenuhnya.

Jadual 3. Anggaran Pendapatan Buruh Perikanan Asing Sebulan Dalam Perusahaan Perikanan Pukat Tunda Di Daerah Perikanan Kudat

Perusahaan Perikanan Fook Soon Sdn. Bhd. (Bot KT 92/F)#	Sumber Pendapatan			Pendapatan Bersih (RM)	
	Komisen Penjualan Ikan Kasar	Gaji Tetap (RM)	Penjualan Ikan Di Laut (RM)		
	%	RM			
Sarang	6.5	4,225.00	–	250.00	4,475.00
Seken Sarang	1.8	1,170.00	–	250.00	1,420.00
Juru Mudi	1	650.00	–	250.00	900.00
Juru Masak	1	650.00	–	250.00	900.00
Juru <i>Case box</i>	1	650.00	–	250.00	900.00
Juru <i>Winch</i>	1	650.00	–	250.00	900.00
Juru sauh	1	650.00	–	250.00	900.00
Juru pukat	1	650	170.00	250.00	1,070.00
Perusahaan Perikanan Siong Ann Trawler (Bot KT 442/F)*					
Sarang	7	4,340.00	–	250.00	4,590.00
Seken Sarang	2	1,240.00	–	250.00	1,490
Juru Masak	1	620.00	100.00	250.00	970.00
Juru <i>Case box</i>	1	620.00	100.00	250.00	970.00
Juru <i>Winch</i>	1	620.00	100.00	250.00	970.00
Juru sauh	1	620.00	100.00	250.00	970.00
Juru pukat	1	620.00	100.00	250.00	970.00

Berdasarkan penjualan ikan kasar bernilai RM65,000.00 sebulan.

* Berdasarkan penjualan ikan kasar bernilai RM62,000.00 sebulan.

Bot perikanan pukat tunda di daerah perikanan Kudat yang beroperasi setiap hari memberikan ganjaran berdasarkan pendapatan kasar sebanyak sepuluh peratus bagi “sarang”, dua peratus bagi “seken sarang” campur pendapatan tetap bernilai RM150.00 dan satu setengah peratus bagi kelasi atau awak-awak. Juru masak turut mendapat tambahan pendapatan tetap bernilai RM120.00 sebulan. Oleh kerana bot pukat tunda tersebut kecil, pendapatan kasar sebulan adalah antara RM15,000.00 hingga RM22,000.00. Pendapatan “sarang” dianggarkan lebih kurang RM2,000.00, seken sarang RM550.00, manakala pendapatan kelasi adalah RM300.00 sebulan.

Sementara itu, bot pukat tunda bernombor SN7/F beroperasi di perairan Kudat memberi komisen lapan peratus kepada “sarang”, dua setengah peratus kepada “seken sarang” ditambah RM180.00 pendapatan tetap dan satu setengah peratus ditambah pendapatan tetap RM160.00 sebulan bagi kelasi. Sistem pendapatan seperti ini, membolehkan “sarang” memperoleh pendapatan RM1,500.00 hingga RM1,600.00, “seken sarang” RM600.00 hingga RM700.00 dan kelasi sekitar RM460.00 sebulan.

Perusahaan perikanan berasaskan pukat tunda di daerah perikanan Kota Kinabalu juga menerapkan sistem pendapatan berdasarkan komisen dan gaji tetap.

Jadual 4. Anggaran Pendapatan Buruh Perikanan Asing Sebulan Dalam Perusahaan Perikanan Pukat Tunda Di Daerah Perikanan Kota Kinabalu

Perusahaan Perikanan Kinsa Sdn. Bhd.#	Sumber Pendapatan					Pendapatan Bersih (RM)
	Komisen Penjualan Ikan Kasar		Gaji Tetap (RM)	Komisen Ikan Baja (RM)	Penjualan Ikan Di Laut (RM)	
	%	RM				
“Sarang”	8	4,800.00	–	–	250	5,050
“Seken sarang”	–	–	1,750.00	150.00	250.00	2,150
Juru Masak	–	–	650.00	130.00	250.00	1.030
Juru <i>Case box</i>	–	–	650.00	130.00	250.00	1.030
Juru <i>Winch</i>	–	–	650.00	130.00	250.00	1.030
Juru sauh	–	–	650.00	130.00	250.00	1.030
Juru pukat	–	–	650.00	130.00	250.00	1.030
Perusahaan Perikanan Ching Koy Fishing Enterprise*						
Sarang	7	4,200.00	–	–	250.00	4,560.00
Seken Sarang	2	1,200.00	–	175.00	250.00	1,625.00
Juru Masak			400.00	175.00	250.00	825.00
Juru <i>Case box</i>			400.00	175.00	250.00	825.00
Juru <i>Winch</i>			400.00	175.00	250.00	825.00
Juru sauh			400.00	175.00	250.00	825.00
Juru pukat			400.00	175.00	250.00	825.00

Berdasarkan penjualan ikan kasar bernilai RM 60,000.00 sebulan dan sepuluh peratus daripada penjualan ikan baja bernilai RM8,000 sebulan dengan kadar harga 30 sen sekilogram.

* Berdasarkan penjualan ikan kasar bernilai 60,000.00 sebulan dan 15 peratus Penjualan ikan baja purata bernilai RM7,500.00 sebulan dengan harga 30 sen sekilogram.

“Sarang” hanya menerima komisen sahaja sebanyak lapan peratus daripada penjualan ikan kasar, sementara komisen bagi “seken sarang” dan kelasi diperoleh daripada penjualan ikan baja seperti diterapkan oleh syarikat Kinsa Sdn. Bhd. pada bot perikanan pukat tunda bernombor SJN00070/F⁹ (Jadual 4). Sistem pendapatan dalam Jadual 5 kekal memberi keutamaan kepada “sarang” yang membolehkannya memperoleh nilai pendapatan fantastik mencecah RM5,000 lebih sebulan.

Sementara itu, perusahaan perikanan berasaskan pukat tunda di daerah perikanan Sandakan juga menerapkan sistem pendapatan berdasarkan kepada gaji tetap dan komisen. Buruh tidak memiliki sumber pendapatan daripada penjualan ikan baja kerana kawasan perairan Sandakan sememangnya tidak memiliki sumber perikanan yang demikian dalam jumlah yang banyak. Pendapatan pekerja bertumpu sepenuhnya kepada komisen pendapatan ikan kasar dan gaji tetap yang tidak seberapa serta pendapatan daripada menjual ikan di laut (Jadual 5).

Perusahaan perikanan berasaskan pukat tunda di daerah perikanan Tawau juga menerapkan sistem pendapatan berdasarkan komisen penjualan ikan kasar, gaji tetap dan komisen penjualan ikan baja (Jadual 6). Semua pekerja kecuali “sarang” mendapat komisen mendaratkan ikan baja RM0.10 sen sekilogram. Satu

Jadual 5. Anggaran Pendapatan Buruh Perikanan Asing Sebulan Dalam Perusahaan Perikanan Pukat Tunda Di Daerah Perikanan Sandakan

Perusahaan Perikanan Chin Git Chong#	Sumber Pendapatan			Pendapatan Bersih (RM)	
	Komisen Penjualan Ikan Kasar	Gaji Tetap (RM)	Penjualan Ikan Di Laut (RM)		
	%	RM			
Sarang	9	1,575.00	–	250.00	1,825.00
Seken Sarang	1.5	262.50	250.00	250.00	762.50
Kelasi	1	175.00	250.00	250.00	675.00
Kelasi	1	175.00	250.00	250.00	675.00
Perusahaan Perikanan Merdu Mewah*					
Sarang	8	1,400.00	–	250.00	1,650.00
Seken Sarang	1.5	262.50	400.00	250.00	912.50
Kelasi	1	175.00	200.00	250.00	625.00
Kelasi		175.00	200.00	250.00	625.00

Berdasarkan pendapatan kasar bernilai RM17,500.00 sebulan.

* Berdasarkan pendapatan kasar bernilai RM17,500.00 sebulan.

kali operasi selama 5 hingga 6 hari biasanya menghasilkan 4 tan ikan baja. Ikan baja yang berjaya didaratkan setiap bulan purata adalah 18 tan. Oleh kerana “seken sarang” tidak mendapatkan komisen penjualan ikan kasar, maka dia mendapatkan komisen ikan baja yang lebih tinggi sedikit berbanding yang diterima oleh kelasi.

Komisen penjualan ikan baja yang diterima kelasi dan “seken sarang” dalam perusahaan perikanan pukat tunda yang lain dengan bot bernombor TW163/F tidak berdasarkan kepada nilai penjualan melainkan ditetapkan RM100.00 seorang sebulan. Penetapan dengan kadar yang rendah seperti itu menyebabkan pendapatan kelasi berkurangan. Bagaimanapun, pendapatan “sarang” dan “seken sarang” malah tinggi kerana “sarang” mendapat gaji tetap masing-masing RM1,000.00 dan RM600.00 sebulan di samping komisen penjualan ikan kasar.

Nilai Pendapatan Buruh Perikanan Asing

Sistem pendapatan buruh perikanan asing dalam perusahaan perikanan pukat tunda membolehkan nilai pendapatan “sarang, “seken sarang” dan kelasi yang sebenar sebulan mengikut daerah perikanan dan kedudukan di atas bot dibahagi kepada beberapa kategori (Jadual 7). Jika ikan lauk yang mereka makan selama menjalankan operasi menangkap ikan di laut turut dimasukkan ke dalam pendapatan, maka nilai pendapatan mereka akan meningkat sekurang-kurangnya RM1.00-RM2.00 sehari. Dengan purata 25 hari operasi, pendapatan bersih mereka akan meningkat sekurang-kurangnya sebanyak RM37.50 seorang sebulan.

Pendapatan kelasi dalam perusahaan perikanan pukat tunda di daerah perikanan Tawau dengan jangkaan pendapatan tambahan daripada penjualan ikan di laut lebih baik sedikit berbanding yang mereka terima dalam perusahaan

Jadual 6. Anggaran Pendapatan Buruh Perikanan Asing Sebulan Dalam Perusahaan Perikanan Pukat Tunda Di Daerah Perikanan Tawau

Bot bernombor TW1998/F#	Sumber Pendapatan					Pendapatan Bersih (RM)
	Komisen Penjualan Ikan Kasar		Gaji Tetap (RM)	Komisen Ikan Baja (RM)	Penjualan Ikan Di Laut (RM)	
	%	RM				
“Sarang”	7	1,225.00	500.00	-	250.00	1,975.00
“Seken sarang”	-	-	350.00	300.00	250.00	900.00
Juru Masak	-	-	300.00	300.00	250.00	850.00
Juru <i>Case box</i>	-	-	300.00	300.00	250.00	850.00
Juru <i>Winch</i>	-	-	300.00	300.00	250.00	850.00
Juru sauh	-	-	300.00	300.00	250.00	850.00
Juru pukat	-	-	300.00	300.00	250.00	850.00
Bot bernombor TW163/F*						
Sarang	7	1,225.00	1,000.00	-	250.00	2,475.00
Seken Sarang	-	-	600.00	100.00	250.00	950.00
Juru Masak	-	-	300.00	100.00	250.00	650.00
Juru <i>Case box</i>	-	-	300.00	100.00	250.00	650.00
Juru <i>Winch</i>	-	-	300.00	100.00	250.00	650.00
Juru sauh	-	-	300.00	100.00	250.00	650.00
Juru pukat	-	-	300.00	100.00	250.00	650.00

Berdasarkan pendapatan ikan kasar bernilai purata RM17,500.00 dan kuantiti pendaratan ikan baja sebanyak 18 tan metrik sebulan dengan harga 30 sen sekilogram bernilai 5,400.00.

* Berdasarkan pendapatan ikan kasar bernilai purata RM17,500.00.

perikanan pukat jerut di daerah perikanan Semporna. Bagaimanapun, pendapatan purata “seken sarang” dan kelasi di daerah perikanan Sandakan dan Tawau adalah rendah. Pendapatan yang rendah turut dialami oleh kelasi di daerah perikanan Kudat.

Nilai pendapatan buruh perikanan asing seperti yang dihuraikan di atas tidak menunjukkan perbezaan yang drastik di antara syarikat-syarikat perikanan setaraf di daerah perikanan yang sama. Perbezaan nilai pendapatan yang tipis merupakan strategi majikan agar buruh perikanan asing tidak tertarik untuk pindah ke majikan yang lain. Tetapi perbezaannya signifikan di antara daerah-daerah perikanan disebabkan perbezaan saiz bot dan hasil tangkapan seperti antara daerah perikanan Kudat dan Kota Kinabalu dengan daerah perikanan Sandakan dan Tawau.

Analisis Kajian

Penglibatan buruh perikanan asing dalam pengeluaran sumber perikanan laut di Sabah merupakan bahagian daripada sejarah panjang negeri ini, yang telah

Jadual 7 Kategori Pendapatan Buruh Perikanan Asing Sebulan Mengikut Kedudukan Di Atas Bot dan Daerah Perikanan
N=520♦

Pendapatan Berdasarkan Kedudukan (RM)	Daerah Perikanan								Jumlah	
	K. Kinabalu		Sandakan		Tawau		Kudat			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
"Sarang"										
0-500	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
501-1,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
1,001-1,500	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
1,501-2,000	-	-	53	100	17	68.0	-	-	70	64.8
2,001-2,500	-	-	-	-	8	32.0	-	-	8	11.4
2,501-3,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
3,001-3,500	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
3,501-4,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
4,001-4,500	-	-	-	-	-	-	11	64.7	11	10.2
4,501-5,000	9	69.2	-	-	-	-	6	35.3	14	23.1
5,001-5,500	4	30.8	-	-	-	-	-	-	4	3.7
Jumlah Kecil	13		53		25		17		108	100
"Seken Sarang"										
0-500	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
501-1,000	-	-	69	100	15	100	-	-	84	77.8
1,001-1,500	-	-	-	-	-	-	14	100	14	13.0
1,501-2,000	6	60.0	-	-	-	-	-	-	6	5.6
2,001-2,500	4	40.0	-	-	-	-	-	-	4	3.7
2,501-3,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah Kecil	10	9.3	69	63.9	15	13.9	14	13.0	108	100
Kelasi										
0-500	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
501-1,000	47	58.0	114	100	74	100	19	54.3	254	83.6
1,001-1,500	34	42.0	-	-	-	-	16	45.7	50	16.4
1,501-2,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah Kecil	81	26.6	114	37.5	74	24.3	35	11.3	304	100
Jumlah Besar	104	20.0	236	45.4	114	21.9	66	12.7	520	100

Sumber: Data Kaji Selidik 2002-2003.

♦ Termasuk 11 orang buruh perikanan Filipina.

dimulakan sejak masa Pentadbiran *British North Borneo Chartered Company (BNCC)* yang mentadbiran negeri ini dari tahun 1881 hingga 1941.¹⁰ Pada masa itu, pesuruhjaya imigresen (*immigration commissioner*) menggalakkan kemasukan buruh dan petani dari selatan China untuk membangunkan ekonomi Borneo Utara yang dikenali kini dengan Negeri Sabah. Aktiviti perikanan laut menggunakan teknologi pukat tunda dimulakan pada tahun 1962 pada akhir masa Pentadbiran Tanah Jajahan Mahkota (1945-1963) oleh pemodal-pemodal Cina tempatan, Jepun dan Filipina.¹¹

Penglibatan buruh perikanan asing dari Indonesia berlaku sejak masa kemerdekaan (1963) ketika polisi Kerajaan Negeri Sabah menggalakkan kemasukan pendedatang asing untuk membangunkan sektor-sektor ekonomi negeri ini, termasuk sektor perikanan laut. Hingga ke hari ini, peranan buruh perikanan

asing terutama buruh perikanan Indonesia dalam sektor perikanan laut di Sabah semakin penting. Ini kerana sektor perikanan laut termasuk ke dalam sektor ekonomi yang sangat penting. Pada tahun 1990, Kerajaan Negeri Sabah berjaya mendapatkan tukaran wang asing sebanyak RM2,668,042 daripada eksport komoditi perikanan laut.¹²

Penerapan teknologi pukat tunda dalam operasi menangkap ikan di Sabah telah mengakibatkan pengeluaran ikan kasar meningkat dari semasa ke semasa. Meskipun teknologi moden selain pukat tunda turut digunakan, bagaimanapun sumbangan teknologi perikanan ini terhadap keseluruhan pengeluaran ikan laut kasar di Sabah adalah jelas. Kuantiti pendaratan ikan laut kasar yang terdiri daripada ikan, udang, ketam, moluska dan lain-lain berjumlah 108,437 tan metrik dengan nilai borong 300,900,000.00 pada tahun telah meningkat ke 190,371 tan metrik dengan nilai borong 584,054,000.00 pada tahun 2004.¹³ Dalam pada itu, vesel pukat tunda pada tahun 2000 berjumlah 1,422 buah yang menunjukkan penurunan sekitar 15.3 peratus berbanding keadaan pada tahun 1991.¹⁴

Penglibatan buruh perikanan asing di Sabah menunjukkan arah yang berlainan mengikut masanya. Buruh perikanan asing pada masa BNBBCC sepenuhnya *alien* dari segi suku bangsa dan negara asal. Buruh perikanan asing pada masa kemerdekaan hingga kini dianggap asing kerana sebab beerbeza warga negara, tetapi tidak asing dari segi budaya dalam kesatuan dunia Melayu. Ketika rantau Asia Tenggara belum terbahagi-bahagi kepada negara-negara bangsa (*nation states*) yang moden, perpindahan penduduk dari satu tempat ke tempat lain di dalam rantau Asia Tenggara, khususnya dari Kepulauan Sulu dan Borneo Utara tergolong perkara biasa dan bahagian dari kehidupan seharian mereka pada masa lampau. Pada masa itu, rantau Asia Tenggara merupakan satu kesatuan dalam dunia Melayu.

“...prior to the birth of the modern nation-states in Southeast Asia, some of the forefather of the Filipino Tausogs, Sama and Badjaos were already residents of the place, as part of the realm of the Sultan Sulu. Thus, the traditional movement of people from Sulu archipelago and Sabah for economic and socio-cultural reasons were just part of their normal lives. It was the American colonial government of the Philippines who first attempted to impose restrictions on travel between these places.”¹⁵

Apabila membincangkan perpindahan penduduk di kawasan Melayu-Polinesia, Zainal Kling menyatakan bahawa pergerakan atau migrasi antarpenduduk (*inter-migration*) di kawasan “the Malayo-Polynesian”, termasuk Malaysia dan Indonesia seperti didapati sekarang, telah berlangsung lebih awal daripada 500 tahun sebelum masehi (Before Christ/B.C)¹⁶

Perpindahan penduduk turut dilakukan oleh pekerja migran dan orang-orang Filipina ke Sabah kerana aktiviti pertukaran perdagangan, sepertimana dinyatakan oleh Mohd. Yaakub Haji Djohari.

“the migrant labour flow in the East ASEAN region is a very old one, harking back to the old empires and sultanates and continuing into the age of colonialism, well before the concept of nationhood emerged. Historically, Filipino migration into Sabah started ever since barter trade ties were established between the islands of Bongao, Jolo, and Sitangkai in the Philippines and Tawau and Lahad Datu in Sabah.”¹⁷

Fakta sejarah masa lampau tersebut seolah-olah menjelaskan bahawa terminologi “asing” tidak sesuai dikenakan ke atas buruh perikanan Indonesia yang datang ke Sabah dan membaaur dengan komuniti “asal” (“*original*” atau “*indigenous*”). Lebih-lebih lagi, Firdaus Haji Abdullah apabila membincangkan hubungan Malaysia-Indonesia menyatakan bahawa persamaan budaya dan bahasa antara pendatang dan penduduk asal (*the “original”*), membolehkan penduduk tempatan bercampurbaaur dalam proses migrasi (*inter-migration*) tanpa sebarang masalah, dan proses asimilasi sesama mereka berlangsung relatif cepat. Oleh itu, didapati perasaan serumpun (*sense of “oneness”*) atau perasaan sebagai bangsa serumpun kerana ras dan etnik yang sama di kalangan mereka meskipun mereka saling cemburu dan kadang-kadang berburuk sangka. Di samping persamaan bahasa dan budaya, kesatuan fizikal kawasan sebagai entiti geografi yang tunggal sering diperhatikan dalam menyebut seseorang sebagai orang Indoensia dan Malaysia. Perasaan serumpun kerana persamaan suku bangsa itu (*ethnic stock*) telah diseleweng dan dibesar-besarkan oleh para penentu politik dan idealis budaya di kedua-kedua negara, khususnya selama perjuangan melawan penjajahan sebelum Perang Dunia Kedua. Padahal, perasaan serumpun itu diperlukan untuk memobilisasi dan membangkitkan perasaan solidariti dan saling membantu di antara golongan nasionalis di kedua-dua negara.¹⁸

Meskipun perasaan serumpun di kalangan mereka kekal melekat sehingga ke hari ini, istilah “buruh asing” dalam artikel ini sengaja digunakan ke atas buruh perikanan Indonesia yang bekerja di perusahaan perikanan berasaskan pukat tunda di Sabah. Ini kerana realitinya mereka memang bukan rakyat Sabah dalam dunia moden yang bercirikan negara bangsa (*nation state*). Ini juga kerana istilah “buruh asing” atau dengan sebutan lain “pekerja asing” sudah begitu meluas digunakan di Malaysia ke atas pendatang asing yang bekerja.

Panggilan “buruh asing” atau “pekerja asing” juga digunakan oleh kalangan akademik di dalam tulisan-tulisan mereka. Azizah Kassim yang banyak memberi perhatian terhadap isu migrasi antarabangsa dan pendatang asing ke Malaysia menyukai istilah “buruh asing” (*alien labour*)¹⁹, sementara Bilson Kurus²⁰, Ramlan Goddos dan Richard T. Koh menggunakan istilah “buruh migran” (*migrant labour*).²¹ Dalam pada itu, Mohd. Yaakub Hj. Djohari bersama-sama dengan Ramlan Goddos lebih menyukai istilah “pekerja asing” (*foreign workers*).²²

Dalam konteks ekonomi perburuhan di Sabah, dominasi buruh perikanan Indonesia dalam sektor perikanan laut mengakibatkan penduduk tempatan Sabah kehilangan peluang yang strategik untuk menghasilkan pendapatan di negeri sendiri. Mengelak daripada menceburkan diri kerana sektor perikanan laut dianggap begitu mencabar merupakan sebuah kesilapan yang tidak sepatutnya mereka lakukan. Lebih-lebih lagi, mereka harus berjuang sesama sendiri dalam memperoleh peluang kerja di sektor ekonomi yang lain di Sabah mahupun di luar Sabah. Itu pun belum tentu mereka dapatkan dengan mudah.

Sebaliknya, buruh perikanan asing dapat memperoleh penghidupan baru di Sabah. Malah mereka dapat pula menyara keluarga mereka di tempat asal dengan mengiriskan sebahagian daripada pendapatan secara berkala. Kadang-kadang itu dilakukan setiap satu hingga enam bulan sekali seperti dapatan lapangan. Kesan ekeonomi yang positif ini tidak hanya berlaku ke atas buruh perikanan asing di Sabah. Ianya merupakan sebuah realiti yang umum berlaku ke atas semua pekerja asing dari Sri Lanka, Pakistan, Thailand, Bangladesh, Indonesia dan Filipina yang bekerja di luar negara masing-masing.²³

Oleh itu, kerajaan negeri perlu menyusun rancangan pembangunan ekonomi, terutama di sektor perikanan laut bagi membolehkan penduduk tempatan tertarik untuk melibatkan diri. Isu tentang cadangan kerajaan federal untuk membangun struktur bangunan fizikal bot perikanan laut yang nyaman, seperti memperluangkannya dengan ruangan tidur untuk pekerja, adalah positif dari segi tarikan tenaga kerja tempatan. Oleh itu, cadangan tersebut perlu diwujudkan sesegera yang mungkin. Selain itu, pihak kerajaan negeri perlu pula menyusun agenda untuk mensosialisasikannya kepada rakyat secara meluas agar mendapat sambutan yang menggalakkan.

Sistem kerja dan pendapatan buruh perikanan asing dalam perusahaan perikanan berasaskan pukat tunda di Sabah merupakan sebuah elemen penting daripada sistem perhubungan perusahaan (*industrial relations*) dalam konsep perburuhan antarabangsa. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization/ILO*) di mana Malaysia merupakan salah satu negara ahli mengarahkan agar perhubungan perusahaan dijalankan mengikut sistem *tripartite*. Dalam konsep *tripartism*, kerajaan dan kesatuan sekerja (*trade union*) yang mewakili pengusaha/pemodal dan buruh perlu terlibat secara aktif untuk menjamin hak-hak pekerja terlindungi.

Seperti dinyatakan oleh Fonteneau, "The International Labour Organization (ILO) has a constitutional obligation to protect the interests of workers when employed in countries other their own."²⁴

Lebih lanjut beliau menyatakan, hak-hak daripada pendatang asing atau migran, termasuk pelarian, adalah:

1. The right to work
2. The right to social security and an adequate standard of living in order to safeguard the health and well-being of themselves and their families.
3. The right of access to health services in the host country.
4. The right to rest and leisure.
5. The right to housing and family reunification for lawfully resident migrants.
6. The right of migrant workers to transfer any part of their earnings and savings that they may wish to send out of the country.
7. The right of self-employed migrant workers to protection and assistance.²⁵

Isu tentang hak buruh migran mendapat perhatian daripada pelbagai pihak. Seperti dikatakan, kertas kerja Dr. Lycklama, misalnya, berusaha membentangkan isu tentang konvensi-konvensi antarabangsa dan perundang-undangan nasional yang mengandungi hak-hak buruh migran.²⁶

Realitinya di Sabah, majikan dan buruh perikanan asing belum memiliki kesatuan sekerja dan tidak memperoleh semua hak-hak di atas sepenuhnya. Mereka tidak mempunyai peluang untuk berehat dan bersenang-senang kerana kerja perikanan pukat tunda yang bersifat sepenuh masa. Mereka tidak memiliki tempat tinggal yang layak kerana selalu tinggal di atas bot perikanan. Mereka tidak memiliki nilai pendapatan yang memadai untuk membolehkan mereka menerima layanan kesihatan yang optimal. Seringkali mereka memadai meminum ubat-ubat

ringan yang boleh dibeli di kedai-kedai runcit apabila mereka sakit. Mereka juga kurang mendapat perlindungan dan bantuan-bantuan lainnya. Malah, mereka terutama yang berstatus sebagai buruh perikanan asing haram kerana tidak memiliki dokumen perjalanan yang lengkap sering dieksploitasi majikan dengan ganjaran kadar gaji rendah. Mereka juga terpaksa berjuang sendiri menyelamatkan diri apabila pemeriksaan dokumen ke atas pendatang asing di Sabah dijalankan oleh kerajaan atau pihak imigresen.

Keadaan inilah yang mendorong perhubungan perusahaan (*industrial relations*) antara pemodal atau majikan dengan buruh perikanan asing dalam perusahaan perikanan berasaskan pukut tunda di Sabah berlangsung dalam sistem ekonomi kapitalis yang banyak merugikan golongan pekerja.

Ekonomi yang berasaskan sistem kapitalisme di dunia ketiga dan tempat lain sememangnya tidak mendatangkan keuntungan yang bermakna kepada golongan pekerja kerana pengumpulan modal tidak dipentingkan sepertimana disyorkan Marx seperti kes di dunia Barat.

“More than elsewhere, in the Third World the profits of capitalism which accrue to local capitalists, or distant shareholders of multinationals, are the fruits of unapid wages. The labour power of the Third World workers is harnessed whenever it is needed as a subsidy to ensure the success of accumulation. Generally, only a fraction of profit is locally re-invested. Again, in the Third World in particular, and especially in respect to urban workers, capitalism has shown little evidence that it views the available labour force as anything more than a production machine.”²⁷

Mengikut teori “*surplus labour*” dan “*labour theory of value*” dalam fahaman Marxisme²⁸, aktiviti ekonomi kapitalis seperti ini merupakan tindakan eksploitasi terhadap golongan pekerja seperti dialami oleh buruh perikanan asing dalam perusahaan perikanan berasaskan pukut tunda di Sabah. Seperti terlihat dengan ketara, sistem pendapatan yang diterapkan dalam perusahaan perikanan berasaskan pukut tunda membolehkan majikan mengaup keuntungan sebanyak yang mungkin. Sebaliknya, nilai pendapatan buruh perikanan asing sebagai golongan pekerja, khususnya kelasi, bernilai terendah RM500.00 lebih sebulan termasuk daripada menjual ikan di laut seakan-akan tidak berbaloi dengan kerja keras yang mereka lakukan. Padahal, merekalah sesungguhnya yang mencipta keuntungan (*value*) bagi majikan.

Ekonomi yang berasaskan sistem kapitalisme ditandakan dengan dua kumpulan atau “*class*”, iaitu golongan kapitalis (*capitalists*) yang memiliki modal dan kumpulan pekerja (*working class*). Dalam hubungan kerja, golongan kapitalis selalu memperoleh keutamaan yang lebih besar berbanding yang diperoleh oleh golongan pekerja seperti dalam hubungan kerja antara majikan dan buruh perikanan asing bot pukut tunda di Sabah. Oleh itu, pendapat tentang kapitalisme dan hubungan-hubungan “*class*”, yang menganggap kaedah produksi golongan kapitalis akan memberikan keutamaan kepada golongan borjuis dan pekerja ditentang oleh penganut fahaman Marxisme dan fahaman bukan Marxisme. Ini kerana rumusan seperti itu tidak memperhatikan segi-segi politik dan ideologi secara memadai.²⁹

Kedudukan golongan pemodal menjadi strategis kerana modal termasuk aspek terpenting dalam aktiviti ekonomi yang menghasilkan keuntungan secara berterusan. Modal atau "*capital*" merupakan sebuah proses di mana golongan kapitalis pertama kali mengubah wang untuk kegunaan komoditi dengan menjual kuasa pekerja (*labour power*) dan alat produksi yang lain untuk dijadikan komoditi baru dalam bentuk alat produksi dan alat untuk memperoleh penghidupan. Marx menyebutnya sebagai proses pekerja (*labour process*). Komoditi-komoditi yang baru itu akhirnya diubah untuk menghasilkan wang dalam pelbagai kesatuan dan peringkat, iaitu kadang wang, alat produksi, dan kadang alat penghidupan. Kesemua proses itu berasaskan kepada penjualan dan pembelian tenaga kerja. Dalam hal ini, nilai lebihan (*surplus value*) menjadi milik golongan kapitalis yang diambil dengan eksploitasi ke atas golongan pekerja. Golongan kapitalis akan menggunakan sebahagian daripada nilai lebihan tersebut, dan mengolah semula sebahagiannya yang lain ke dalam proses pekerja untuk meluaskan nilai modal yang dia miliki.³⁰ Golongan kapitalis memperoleh nilai lebihan kerana membeli kuasa pekerja.

"The development of capitalist production makes it constantly necessary to keep increasing the amount of the capital laid out in a given industrial undertaking, and competition makes the *immanent* laws of capitalist production to be felt by each individual capitalist, as external coercive laws. It compels him to keep constantly extending his capital, in order to preserve it, but extend it he cannot, except by means of progressive accumulation".³¹

Oleh itu, nasib buruh perikanan asing dalam perusahaan perikanan berasaskan pukat tunda di Sabah dalam sistem ekonomi kapitalis seperti ini tidak akan terangkat ke taraf yang maksimum, meskipun mereka berjaya menipu majikan dengan menjual ikan hasil tangkapan semasa menjalankan operasi di laut untuk meningkatkan pendapatan. Pendapatan yang mereka peroleh hanya memadai untuk sekadar membolehkan mereka hidup (*survival*). Walau bagaimanapun, mereka kekal melibatkan diri sebagai alat produksi dalam sektor ekonomi yang cukup penting ini kerana menjadi buruh perikanan asing di Sabah mereka anggap masih lebih baik berbanding kehidupan di tempat asal.

Dalam konteks yang lebih luas, sistem ekonomi kapitalis tersebut tidak hanya merugikan golongan buruh perikanan asing saja. Kesefahaman kerja yang dibuat secara lisan membuka ruang bagi majikan untuk menentukan sistem kerja dan pendapatan buruh perikanan asing secara sebelah pihak tanpa sebarang kawalan daripada kerajaan negeri. Kesefahaman secara lisan seperti ini akan menyulitkan pihak kerajaan mengetahui nilai pendapatan sebenar buruh perikanan asing dan majikan. Keadaan ini pada akhirnya membolehkan majikan mengelak daripada membayar cukai yang tinggi kepada kerajaan negeri.

Kesimpulan

Perusahaan perikanan berasaskan pukat tunda di Sabah dapat mendatangkan keutamaan kepada buruh perikanan asing dan khususnya majikan. Pada satu pihak buruh perikanan asing memerlukan pekerjaan untuk memperoleh pendapatan

dengan sasaran untuk mempertingkatkan taraf kehidupan ekonomi mereka, sementara majikan pada pihak yang lain memerlukan buruh perikanan asing untuk mengoperasi bot-bot perikanan pukat tunda yang mereka miliki.

Kerja-kerja perikanan berasaskan pukat tunda adalah sama yang terdiri daripada persiapan, operasi menangkap ikan dan pendaratan sumber yang berjaya ditangkap. Dari segi masa operasi, aktiviti perikanan berasaskan pukat tunda dijalankan sepenuh masa dengan lima hingga enam hari setrip. Operasi pukat tunda dijalankan oleh buruh perikanan asing dalam bilangan yang relatif sedikit antara enam hingga lapan orang, malah ada yang dioperasi oleh empat orang, untuk menangkap ikan demersal di perairan yang luas dan tidak berbatu.

Sistem pendapatan dalam operasi perikanan berasaskan pukat tunda berdasarkan kepada gaji tetap dan komisen daripada penjualan ikan kasar dan penjualan ikan baja. Jumlah gaji tetap dan komisen yang diberikan kepada buruh perikanan asing dalam masing-masing perusahaan perikanan juga adalah berbeza.

Perbezaan nilai pendapatan buruh perikanan asing dipengaruhi oleh saiz bot dan ciri perairan daerah perikanan. Semakin besar bot dan luas kawasan menangkap, maka semakin besar pendapatan kasar yang dihasilkan yang pada akhirnya menyebabkan pendapatan buruh perikanan asing semakin tinggi. Demikian pula sebaliknya. Bentuk penerapan sistem pendapatan yang pelbagai itu merupakan strategi majikan dalam meningkatkan semangat kerja buruh perikanan asing dengan matlamat untuk menghasilkan nilai pendapatan secara maksimum.

Sistem pendapatan yang demikian nampak lebih menguntungkan "sarang" dan "seken sarang", sementara nilai pendapatan rasmi yang diterima oleh sesetengah kelasi adalah rendah. Bagi memperoleh pendapatan tambahan, mereka terpaksa menjual ikan di laut semasa operasi menangkap ikan berlangsung.

Majikan memperhatikan dan menjaga pendapatan "sarang" dengan menawarkan mereka kadar gaji tetap dan insentif yang tinggi karena "sarang" merupakan ketua kumpulan pekerja yang berperanan sebagai penggerak yang utama semua aktiviti perikanan. Dengan begitu "sarang" akan terdorong untuk mengarahkan pekerja yang terdiri daripada awak-awak atau kelasi untuk bekerja bersungguh-sungguh untuk mencapai prestasi kerja yang berkesan. Strategi ini membolehkan majikan menikmati pendapatan yang tinggi di samping ikut mencipta imej di kalangan pekerja bahawa "sarang" lah yang mengeksploitasi pekerja untuk keutamaan dirinya sendiri.

Nota Hujung

¹ Sila lihat Yeap Hock Lai, "Pelibatan Buruh Perikanan Thai dalam Sektor Perikanan di Semenanjung Malaysia: Kajian Kes di Tok Bali, Kelantan", (Tesis Sarjana: Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 2005).

² Penjelasan lanjut tentang operasi pukat tunda di Sabah, sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, *Teknologi Penangkapan Ikan di Sabah*, Siri Dokumen Akademi Pengajian Melayu, bil. 3, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1993).

³ Selain buruh perikanan Indonesia, aktiviti perikanan berasaskan pukat tunda di Sabah juga dijalankan oleh buruh perikanan Filipina. Bagaimanapun, bilangan buruh perikanan Indonesia secara keseluruhannya adalah lebih banyak.

⁴ The Kean Kiat, "Dasar Gaji Minimum Ditolak", *Berita Harian*, 22 Jun 2004, hlm. 6.

⁵ *Ibid.*

⁶ Mohamad Jeffry Joakim, Penolong Pengarah Buruh Kanan, Jabatan Buruh, Sabah. Wawancara, November 2002. Dalam kaitannya dengan tekanan pasar, dia menggambar-kannya melalui dua keadaan. Pertama, bila satu perusahaan, katakanlah perusahaan A, mengganjar buruh asingnya dengan kadar RM15 sehari, umpamanya, maka perusahaan B, C dan perusahaan lain yang setaraf akan mengikut kepada standad upah yang ditetapkan oleh perusahaan A. Kedua, kadar upah ditentukan berdasarkan kepada bekalan buruh dan keperluan perusahaan (*supply and demand*), di mana bila bekalan buruh asing kuat, maka kadar upah akan turun. Kebalikannya, bila kperluan terhadap buruh asing tinggi, maka kadar upah akan naik.

⁷ *Ibid.*

⁸ Penjelasan lanjut mengenai kedua-dua sumber pendapatan tambahan ini, sila lihat Yeap Hock Lai, "Penglibatan Buruh Perikanan."

⁹ Syarikat perikanan pukat tunda ini dimiliki oleh Simon Hong yang menjawat Ketua (Chairman) Persatuan pemilik Kapal Nelayan Kota Kinabalu (Kota Kinabalu Fishing Boats Owner Association) pada penggal 2001-2004 dan 2004-2006.

¹⁰ Mohammad Raduan Mohd. Ariff, *Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Undang, Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara 1750-1990*, (Kuala Lumpur: Penerbit University Malaya, 1996), hlm. 90-93.

¹¹ *Ibid.*, hlm. 180.

¹² *Ibid.*, hlm. 354.

¹³ Perangkaan Tahunan Perikanan Sabah untuk tahun 1991-2004, Kota Kinabalu: Pencetak Jabatan Perikanan Sabah.

¹⁴ Perangkaan Tahunan Perikanan Sabah untuk tahun 1991-2004, *Ibid.*

¹⁵ Moctar I. Matuan, 2001. "Migration Issues from the Philippines Perspective," Kertas persidangan dalam ASEAN Universities Student Leaders Conference, Issues and Challenges in the New Millennium, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, (21-23 Mei 2001), hlm. 13.

¹⁶ Zainal Kling, "The Socio-Cultural Unity of the Malay World," Kertas Persidangan dalam the Second Malaya World Symposium, Colombo, Sri Lanka, (6 Ogos 1985).

¹⁷ Mohd. Yaakub Haji Djohari, "Profiles of Foreign Workers in Sabah: Policy Implications," Kertas persidangan dalam Regional Security Risks and Challenges: The Role of Civil Society, Kota Kinabalu: 27 (Julai 2002), hlm. 2.

¹⁸ Firdaus Haji Abdullah, "The Rumpun Concept in Malaysia-Indonesia Relations," *The Indonesian Quarterly*, Vol. XXI, No. 2, (1993), hlm. 139-140.

¹⁹ Azizah Kassim, "International Migration and Alien Labour Employment, The Malaysian Experience," dalam *Megacities, Labour & Communication*, (Singapura: ISEAS, 1998).

²⁰ Bilson Kurus, "Migrant Labor: The Sabah Experience" dalam *Asian and Pacific Migration Journal*, Bil. 7, No. 2-3, (1998).

²¹ Bilson Kurus, Ramlan Goddos dan Richard T. Koh, "Migrant Labour Flows in the East ASEAN Region: Prospects and Challenges," *Borneo Review*, Bil. IX, No. 2, (1998).

- ²² Mohd. Yaakub Hj. Djohari dan Ramlan Goddos, "Profile on Foreign Workers in Sabah: Policy Implications", Kertas Persidangan dalam Seminar tentang *Regional Security Risk and Challenges: The Role of Civil Society*, Institute for Development Studies (Sabah) dan Konrad Adenauer Foundation, Federal Republic of Germany, Kota Kinabalu, (2 Julai 2002).
- ²³ Patricia Licuanan, "Socio-Economic Impact of Domestic Worker Migration: Individually, Family, Community, Country" dalam Noeleen Heyzer (ed.) at.all, *The Trade in Doestic Workers Causes, Mechanisms and Consequences of International Migration*, Vol. 1. (Kuala Lumpur, London and New Jersey: Asian and Pacific Development Centre, and Zed Books Ltd., 1994), hlm. 104.
- ²⁴ G. Fonteneau, "The Rights of Migrants, Refugees or Asylum Seekers under International Law," dalam *International Migration*, Vol. XXX (1992), hlm. 57.
- ²⁵ *Ibid.*, hlm. 63-64.
- ²⁶ Alcestis Abrera-Mangahas, "International Labour Standards fof Migrant Workers", dalam Noeleen Heyzer (ed.) at.all, *The Trade in Doestic Workers*, hlm. 161.
- ²⁷ Peter C. W. Gutkind, "Are Socio-Historical Studies of the Labour Process Central to Third World Studies?" dalam Peter C. W. Gutkind (ed.), *Third World Workers Comparative International Labour Studies*, (London, New York, Kobenhavn, Koln, 1988), hlm. 16.
- ²⁸ The Open University, *Class and Stratification*, dipetik daripada Karl Marx dan F. Engels, *Borgeois and Proletarians* dan daripada Karl Marx, *Social Class and Social Conflict*, 1980, Walton Hall, Milton Keynes. Penjelasan lanjut berkenaan perkara-perkara tentang "surplus labour" yang menyatakan golongan pekerja menerima gaji yang tidak seimbang dengan apa yang mereka lakukan, "proses produksi golongan pemodal atau kapitalis yang melibatkan proses pekerja" (labour process) atau yang lebih disukai oleh F. Engels sebagai proses kerja (work process), "valorization process", "a surplus-value producing process" dan "labour theory of value" yang menyatakan bahawa hanya kuasa pekerja yang mampu mencipta keuntungan (value), sila lihat Theo Nichols (ed.), *Capital and Labour A Marxist Primer*, (Great Britain: William Collins Sons & Co. Ltd, Glasgow, 1980), hlm. 22-23.
- ²⁹ Annie Phizacklea dan Robert Miles, *Labour and Racism*, (London, Boston dan Henley: Routledge & Kegan Paul, 1980), hlm. 4.
- ³⁰ Andrew L. Friedman, *Industry and Labour, Class Struggle at Work and Monopoly Capitalism*, (London and Basingstoke: The Macmillan Press Ltd., 1977), hlm. 11.
- ³¹ Karl Marx, *Capital*, Vol. 1, (New York: International Publisher, 1967), hlm. 592. Sila lihat *ibid.*, hlm. 12.